

Lengkapkan ayat dalam perenggan dengan kata kerja tak transitif yang sesuai. DSKP: SP5.1.4

belajar

berjaya

wujud

menjadi

berkualiti

pulang

terkenal

berseni

Sarawak atau nama julukannya Bumi Kenyalang (1) _____ oleh hasil kraf tangan yang unik dan (2) _____. Satu daripada hasil kraf tangan yang mendapat perhatian pelancong asing ialah pasu Sarawak. Pasu Sarawak dikatakan telah (3) _____ sejak sekian lama.

Di Sarawak, kaum Iban adalah antara kaum peribumi yang mewarisi kerja tangan ini. Mereka menghasilkan pasu tersebut untuk tujuan kerohanian dan upacara-upacara rasmi kaum mereka. Kerja-kerja seni ini dilakukan dengan teliti sekali sehingga (4) _____ menghasilkan pasu Sarawak yang tahan lama, (5) _____, dan memuaskan hati pengguna.

Sebenarnya, proses pembuatan pasu Sarawak tidak mudah. Proses untuk menyiapkan sebuah pasu Sarawak dengan menggunakan tangan mengambil masa yang agak lama, iaitu kira-kira sebulan. Oleh itu, seseorang yang ingin (6) _____ tentang cara menghasilkan pasu Sarawak mesti memberikan tumpuan yang sepenuhnya hingga pasu yang dihasilkan (7) _____. Walau bagaimanapun, penggunaan mesin bagi menggantikan kaedah tradisional ini telah mempercepat proses penghasilan pasu Sarawak.

Menurut sejarah, tujuan asal penghasilan seni kraf ini adalah sebagai peralatan memasak makanan dan kegunaan rumah tangga. Namun demikian, seiring dengan peredaran masa, fungsi pasu Sarawak sudah dipelbagaikan menjadi lampu sisi, bekas payung, pasu bunga, bekas potpuri, dan lain-lain. Semua hasil kraf tangan ini amat indah buatannya. Harga yang ditawarkan pula tidak terlalu tinggi. Oleh sebab itu, pasu Sarawak sering dijadikan sebagai cenderamata oleh pelancong untuk dibawa (8) _____ ke tempat asal mereka.

